


Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Pusat Kecemerlangan Sains Marin  
27. Mar 2008  
Utusan Malaysia  
Supplement  
238082  
833287

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
MALAY  
4  
870 cm2  
Daily  
Full Color



KAJIAN pemuliharaan sumber laut mendapat keutamaan pusat kecemerlangan sains marin tempatan bagi mengelakkan kepupusan.



PENEROKAAN penyelidik tempatan ke atas samudera berjaya mengumpulkan pelbagai sampel organisme marin untuk penyelidikan.

# Pusat kecemerlangan sains marin

**S**ELAIN Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES) yang ditubuhkan oleh Universiti Malaya (UM) terdapat beberapa institut atau pusat penyelidikan yang menumpukan kepada penyelidikan kelautan termasuk di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

## Pusat Pengajian Samudera dan Pantai (CEMACS)

Pusat ini ditubuhkan oleh USM pada 1991 yang memfokus kepada latihan dan penyelidikan pelajar lepasan ijazah dalam bidang tersebut.

Pusat ini menyediakan mekanisme untuk menggerakkan secara bersepadu kepakaran dan sumber yang terdapat di

universiti tersebut berkaitan dengan marin dan ekosistem pantai.

Pusat ini memiliki kepakaran dalam bidang berkaitan dan mengadakan kerjasama dengan unit lain di universiti tersebut serta di luar.

CEMACS dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk menjalankan penyelidikan dan latihan dalam bidang marikultur, kajian batu karang, hutan ekosistem hutan bakau dan kajian pencemaran.

## Institut Oseanografi (INOS)

INOS ditubuhkan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Antara tugas institut ini ialah untuk melaksanakan penyelidikan berkaitan oseanografi dan sains marin.

INOS mempunyai tradisi yang kukuh dalam penyelidikan dalam bidang sains marin dan oseanografi kerana memiliki kepakaran daripada Fakulti Perikanan dan Sains Marin di UPM sejak dahulu.

INOS menasaskan untuk menjadi peneraju dalam bidang penyelidikan dan latihan lepasan ijazah serta rujukan dalam bidang sains marin di rantau ini.

Tumpuan penyelidikan INOS meliputi lima bidang iaitu Bio dan teknologi marin, geosains dan pencemaran marin, informatik marin, pengurusan dan keselamatan sains serta interaksi udara -laut.

## Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI)

Institut ini ditubuhkan pada 1995 oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertujuan untuk mempromosi bidang

RUMPAI laut antara sumber marin yang amat bernilai.

penyelidikan, pembelajaran dan latihan dalam pemuliharaan serta pembangunan mapan sumber marin.

Institut tersebut juga akan membangunkan bidang bioteknologi marin.

Bagi mencapai matlamatnya, BMRI menjalankan penyelidikan asas dengan bekerjasama dengan pihak berkaitan termasuk institusi lain untuk faedah masyarakat.

BMRI juga mahu menjadi pusat penyelidikan yang menyediakan asas saintifik untuk pemuliharaan dan pengurusan ekosistem marin dan pembangunan sumber akuatik yang boleh diperbaharui.

Institut ini juga meletakkan misi untuk menyelaras penyelidikan berasaskan sains marin dan akuakultur dan menyediakan pembelajaran berkualiti serta latihan sains marin dan pembangunan mapan dalam bidang akuakultur

## Pusat Teknologi Marin (MTC)

Pusat ini ditubuhkan oleh Universiti

Teknologi Malaysia (UTM) pada 1996.

Ia terletak di kampus induk UTM di Johor Bahru, dan berkemampuan menjadi peneraju dalam bidang penyelidikan serta pengajaran bidang marin selain menjadi institut perunding di rantau ini.

Sebagai sebuah pusat kecemerlangan sains, pusat tersebut mampu memberi sumbangan bermakna dalam bidang pertumbuhan industri marin di negara ini.

## Institut Kejuruteraan Pantai dan Luar Pesisir (COEI)

Institut ini juga ditubuhkan oleh UTM bagi membolehkan ia berfungsi dalam meningkatkan kecemerlangan dalam pengajaran, penyelidikan perkhidmatan perundingan.

Satu daripada kepentingannya ialah bagaimana mengurus sumber yang ada di negara ini.



INSTITUT Oseanografi sering membuat kajian mengenai kualiti air laut.